

*Artikel*

**Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola Sokongan Pengundi Berdasarkan Faktor Kewilayahan**  
(*The 15th Malaysian General Election: Voter Support Patterns Based on Regional Factors*)

Junaidi Awang Besar

Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Pilihan Raya Umum Malaysia ke 15 (PRU-15) telah berlangsung pada 19 November 2022 dengan baik dan jayanya. PRU kali ini diadakan lebih awal setahun berbanding tempoh matang 5 tahun pada 16 Julai 2023 iaitu tarikh angkat sumpah ahli Parlimen bagi penggal ke-14. Keputusan PRU-15 tersebut menunjukkan terdapatnya pola sokongan pengundi berdasarkan lokasi geografi tertentu. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis pola sokongan pengundi berdasarkan faktor kewilayahan. Berdasarkan analisis data keputusan PRU 2022, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa PH terus menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia serta di Sabah serta Sarawak di kawasan bandar dan separa bandar campuran etnik dan majoriti Cina, PN menguasai wilayah Pantai Timur dan Utara serta sebahagian kecil di Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia di kawasan luar bandar majoriti Melayu iaitu di zon Semenanjung Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur serta Pahang Tengah; Utara Semenanjung iaitu Perlis dan Kedah serta Pulau Pinang Seberang Prai Utara dan Tengah, Perak Utara, Perak Tengah; sebahagian Barat Semenanjung iaitu Utara Selangor dan Barat Selangor serta Barat Melaka dan Selatan Melaka manakala BN kekal berkuasa di kawasan luar bandar tengah Semenanjung Malaysia namun dengan jumlah kerusi yang menyusut. Justeru, pengaruh kewilayahan turut mempengaruhi pola pengundian dan perlu diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan untuk melaksanakan strategi kempen bagi mendapat sokongan daripada pengundi di kewilayahan berkenaan.

**Kata kunci:** Pilihan raya umum, pola pengundian, kewilayahan, Parlimen, kestabilan politik

**Abstract:** The 15th Malaysian General Election (GE-15) took place on 19 November 2022 successfully. This time the general election was held a year earlier than the 5-year maturity period on 16 July 2023, which is the date of the swearing-in of members of Parliament for the 14th term. The GE-15 results show that there is a pattern of voter support based on a specific geographic location. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze voter support patterns based on regional factors. Based on data analysis of the GE 2022 results, observations in the field and analysis of secondary sources such as journal articles and conference papers, the findings of the study show that PH continues to dominate the West Coast region of Peninsular Malaysia as well as in Sabah and Sarawak in urban and semi-urban areas with ethnic mix and Chinese majority, PN controls the East and North Coast regions as well as a small part in the West and South of Peninsular Malaysia in

the rural areas of the Malay majority, namely in the East Coast Peninsular zone, namely Kelantan, Terengganu and East Pahang and Central Pahang; North of the peninsula, which is Perlis and Kedah and Penang Seberang Prai North and Central, North Perak, Central Perak; the western part of Peninsular namely North Selangor and West Selangor as well as West Melaka and South Melaka while BN remains in power in the rural areas of central Peninsular Malaysia but with a shrinking number of seats. Therefore, regional influence also affects the voting pattern and needs to be taken into account by the relevant parties to implement campaign.

**Keywords:** General elections, voting patterns, regionalism, Parliament, political stability

---

## Pengenalan

Parlimen penggal ke-14 yang dibubarkan pada 10 Oktober 2022 mendapat reaksi yang pelbagai daripada rakyat dalam keadaan negara yang baru sahaja memasuki era pemulihan rebakan wabak COVID-19, ekonomi negara yang kurang baik serta musim tengkujuh terutamanya di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Namun atas faktor kestabilan politik dan untuk memulihkan keyakinan pelabur untuk melabur di negara ini maka Parlimen perlu dibubarkan dan mandat dipulangkan kepada rakyat untuk memilih kerajaan yang lebih stabil dan meyakinkan. PRU ini dilihat cuba untuk mewujudkan suasana politik yang stabil agar dapat terhasil satu kerajaan yang kukuh dominasi satu parti. 73 peratus telah keluar mengundi menyaksikan buat pertama kalinya undi 18 hingga 20 dilaksanakan dan Rang Undang-Undang Lompat Parti diimplimentasikan. Hasilnya, tiada satu partipun yang berjaya mendapat sejumlah kerusi majoriti mudah 112 kerusi Parlimen untuk menguasai Putrajaya. Pakatan Harapan (PH) memenangi 82 kerusi, Perikatan Nasional (PN) mendapat 74 kerusi, Barisan Nasional (BN) 30 kerusi, Gabungan Parti Sarawak (GPS) 23 kerusi, Gabungan Rakyat Sabah (GRS) 6 kerusi, Parti Warisan Sabah (WARISAN) 3 kerusi, Parti Bangsa Malaysia (PBM) 1 kerusi, Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM) 1 kerusi dan Bebas 2 kerusi. Keputusan PRU-15 memperlihatkan pola sokongan pengundi berdasarkan kewilayahan. Justeru, artikel ini akan merungkai pernyataan tersebut beserta faktor yang menyebabkan persekitaran kewilayahan dalam memberi kesan terhadap keputusan PRU-15.

## Sorotan Literatur

NSTP Research and Information Services (1994) memperihalkan bahawa Malaysia mengamalkan sistem Parlimen Persekutuan yang demokratik dengan konstituensi beraja yang menggunakan model British Westminster. Junaidi et al. (2012) dalam artikel jurnal yang bertajuk 'Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca pilihan raya umum (PRU) 2008 di Malaysia' mendapati belia Melayu inginkan kebebasan bersuara dan memenuhi keperluan mereka.

Junaidi et al. (2014) dalam artikel jurnal yang bertajuk "Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis 'Tsunami Politik Bandar'" mendapati bahawa 'tsunami politik bandar' berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti facebook, twitter, laman web, blog dan juga SMS di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada Pakatan Rakyat (PR). Menurut Junaidi (2016) melalui penulisan artikel jurnalnya yang bertajuk "Perkaitan Sumber Maklumat dengan Sokongan kepada Parti Politik", beliau menyatakan bahawa akses sumber maklumat melalui pembacaan dan maklum balas

terhadap sesuatu maklumat akan mempengaruhi pendirian seseorang sama ada bersikap percaya sepenuhnya ataupun menafikan maklumat yang diperolehi tersebut.

Junaidi (2017) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Trend pengundian dalam pilihan raya umum Malaysia ke 13” mendapati pilihan raya ini merupakan yang paling sengit dalam sejarah sehingga disifatkan sebagai “ibu segala pilihan raya”. Junaidi, Abdul Muein & Ahmad Afif (2018) dalam kertas kerja yang bertajuk “Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia” menghuraikan bahawa tekad untuk jatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU kali ini. PH berjaya menewaskan BN dan PAS pada peringkat kerusi parlimen dengan 122-79-18. Artikel jurnal oleh Junaidi (2019) iaitu “Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia”, beliau menyatakan bahawa kemenangan Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14 merupakan suatu keputusan yang dilihat sebagai ‘luar biasa’. Hal ini kerana parti pakatan pembangkang tersebut telah berjaya meranapkan penguasaan Barisan Nasional (BN) terhadap Kerajaan Malaysia sejak 63 tahun yang lalu.

Junaidi et al. (2020a) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 di Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar” menjelaskan dalam PRU 2018, hampir kesemua kawasan bandar dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH) dan sebahagian kecil dimenangi oleh PAS iaitu di kawasan bandar di wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Bagi kawasan luar bandar pula, kawasan majoriti Melayu dikuasai UMNO/BN dan juga oleh PAS di Kelantan, Terengganu dan juga sebahagian luar bandar di Kedah.

Ismail (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “The Role of Social Media on Political Voting Behaviour in 14th General Election” menjelaskan bahawa media sosial merupakan medium yang mudah mempengaruhi persepsi dan sokongan politik pengundi kerana isu yang disampaikan melalui media tersebut sangat senang difahami, cepat dan dapat mempengaruhi perasaan pengundi yang melayari media tersebut.

Junaidi (2021a) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Evolusi dan Dinamika Geopolitik dan Sosiopolitik Gerakan Politik Di Malaysia” menjelaskan bahawa wujud geopolitik atau kuasa gerakan politik berlandaskan kepada keadaan penguasa politik pada sesuatu masa manakala sosiopolitik gerakan politik memperlihatkan penyertaan rakyat terhadap gerakan politik pada sesuatu masa adalah berdasarkan kepada isu semasa, perkembangan teknologi komunikasi maklumat, kepimpinan dan keadaan sosioekonomi semasa.

Junaidi (2021b) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Pengaruh Geografi Terhadap Pola Pengundian dalam Pilihan Raya Umum ke-14” untuk buku ‘Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi’ menjelaskan bahawa keputusan dan pola pengundian dalam pilihan raya terutamanya PRU 2018 masih dipengaruhi oleh faktor geografi ruangan dan persekitaran. Junaidi (2021c) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Geopolitik Etnik dalam Pilihan Raya Umum Ke-14” untuk buku ‘Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi’ menjelaskan bahawa geopolitik kaum pada PRU 2018 menunjukkan sokongan terhadap BN/UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Harapan bergantung kepada undi kaum Cina/Tionghua.

Junaidi (2021d) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Pengenalan” untuk buku ‘Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14’ menjelaskan bahawa PRU-14, 2018 telah berlangsung dengan tenang tapi hangat namun penuh dramatik. Ramai pihak menjangkakan BN akan terus menang dan berjaya mengekalkan kekuasaan pada peringkat nasional dengan majoriti mudah serta jumlah kerusi parlimen yang sedikit

menurun. Namun tanpa disangka-sangka, buat pertama kali dalam sejarah 14 kali PRU di negara ini, BN tewas setelah 61 tahun menguasai pemerintahan pada peringkat pusat/negara.

Junaidi (2021e) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Prestasi UMNO dan Parti Amanah Negara (AMANAH) Dalam PRU-14 dan Pasca PRU-14” menghujahkan bahawa meskipun UMNO selaku tunjang dalam BN telah tewas pada peringkat persekutuan dan beberapa negeri namun parti politik tersebut masih mengekalkan penguasaan di kawasan majoriti pengundi etnik Melayu di kawasan luar bandar. AMANAH pula meskipun bertanding tidak banyak kerusi Parlimen dan DUN hasil daripada pembahagian kerusi pilihan raya antara parti dalam PH namun masih berjaya memenangi kerusi di kawasan bandar dan separa bandar yang berkomposisikan etnik campuran.

Junaidi et al. (2021) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Trend Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum 1986-2018 Di Malaysia Berdasarkan Pemetaan Geografi” mendapati bahawa terdapat beberapa elemen geografi yang dapat dikaitkan dengan keputusan dan pola pengundian iaitu dari segi lokasi dan kewilayahan. Pola pengundian antara lapan PRU tersebut menunjukkan berlakunya turun-naik atau pendulum berdasarkan pencapaian jumlah kerusi sama ada Parlimen dan DUN antara parti pemerintah yang sejak sekian lamanya (1955-2013) iaitu Perikatan/Barisan Nasional (BN) dengan parti pembangkang seperti DAP, PAS, PKR dan lain-lain.

Junaidi, Mohd Fuad & Nur Azuki (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Pasca PRU-14: Dinamika Politik Menuju PRU-15” untuk buku ‘Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14’ menjelaskan bahawa politik adalah satu disiplin ilmu yang menarik, tetapi sukar untuk dikaji kerana tingkah laku politik pengundi adalah dinamik atau tidak statik, berseni, berstrategi, tiada yang mustahil bahkan boleh berubah dengan mengejut.

Bose (2021) dalam buku yang bertajuk “Final Reckoning: An Insider’s View of the Fall of Malaysia’s Barisan Nasional Government” menyatakan bahawa kejatuhan BN dalam PRU-14 disebabkan kontroversi pentadbiran Najib Razak dalam skandal 1MDB yang tidak dijelaskan dengan baik oleh Najib sendiri dan juga jentera pilihan raya BN. Irwan Shah (2021) dalam buku yang bertajuk “Reflections on the Malaysian Economy Post-GE14: Issues and Challenges” menyatakan bahawa Kerajaan PH kurang menumpukan kepada masalah ekonomi negara sebaliknya mengutamakan isu salah laku kerajaan dan kepimpinan kerajaan terdahulu yang menyebabkan rakyat semakin resah dengan kepimpinan yang sedia ada. Junaidi et al. (2022) dalam buku “Atlas Pilihan Raya Umum 11, 2004” menyatakan bahawa kepimpinan Islamik Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi faktor utama sokongan pengundi kepada BN dengan mandat yang besar lebih 2/3 kerusi Parlimen Malaysia.

Malike & Abdul Salim (2022) dalam buku yang bertajuk “Politik Melayu: Penentu Kelangsungan Kuasa Barisan Nasional” menjelaskan bahawa antara faktor kekalahan BN dalam PRU-14 adalah kerana kepimpinan BN mengenyahkan pandangan golongan muda Melayu yang inginkan imej kepimpinan yang bersih tanpa sebarang skandal terutamanya yang berkaitan dengan kewangan negara. Norazlan Hadi (2022) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Gerakan Islam dan Demokrasi di Malaysia 1982-2018: Persaingan dan Kerjasama” menjelaskan bahawa parti politik dan NGO Islam telah lama bertapak di Malaysia dengan pendekatan masing-masing serta mengalami konflik kepimpinan, teruji dan menghasilkan dinamika pemikiran Islam konservatif dan progresif yang tersendiri.

Nur Ellyanis, Mohd Fuad & Junaidi (2022) dalam Bab dalam buku yang bertajuk “Jati Diri dan Pola Pengundian Belia Melayu dalam PRU 14” menyatakan bahawa PRU-14 telah membuktikan bahawa suara generasi belia amat penting dalam pembangunan politik di Malaysia. Mohd Izani (2022) dalam bab dalam

buku yang bertajuk “Dinamika Demokrasi dan Penjajaran Baharu Politik dalam Era Pandemik COVID-19 di Malaysia” menjelaskan bahawa krisis pandemik COVID-19 boleh membuka pemikiran rakyat untuk memilih pemimpin yang mampu berhadapan cabaran dan menyelesaikan cabaran tersebut dengan efisien dan bijaksana. Rahman (2022) dalam buku yang bertajuk “Politik Sarkis: Malaysia Pasca 9 Mei 2018” menyatakan sepanjang pemerintahan 3 Kerajaan Persekutuan pasca PRU-14, senario politik di negara ini agak melucukan dan mengecewakan pihak yang berkenaan kerana semua ahli politik dilihat asyik berpolitik demi kuasa masing-masing.

Anwar (2022) dalam buku yang bertajuk “Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi” menghuraikan bahawa dasar kerajaan Malaysia yang digubal perlu lebih manusiawi dan mempunyai saling hubung antara komponen dalam pembangunan. Murray (2022a) dalam bab dalam buku yang bertajuk “No One Party Rule After GE-15” menyatakan bahawa selepas PRU-15, tidak akan ada parti politik secara bersendirian dapat membentuk Kerajaan Persekutuan. Ini kerana setiap parti politik kuat di kawasan tertentu sahaja seperti BN/UMNO di kawasan luar bandar, PH di kawasan bandar dan PAS di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja. Murray (2022b) dalam bab dalam buku yang bertajuk “GE15: The Coming Battle for the Malay Heartland” menyatakan bahawa undi Melayu akan menjadi penentu kepada kemenangan sejumlah kerusi Parlimen dan DUN dan akan mempengaruhi pembentukan kerajaan.

Sivamurugan (2022) dalam artikel yang bertajuk “PRU-15: Tinjauan Calon PM” menghujahkan bahawa kombinasi kematangan, kewibawaan, pengalaman dan interaksi komunikasi politik adalah ciri karekter penting sebagai Perdana Menteri pada PRU-15 khususnya oleh pengundi atas pagar. Agenda Massa (2022) dalam artikel yang bertajuk “Dari PRU-14 ke PRU-15” menjelaskan bahawa pelbagai peristiwa politik yang berlaku antara PRU-14 ke PRU-15 yang menjadi perhatian pengundi untuk dijadikan isu atau faktor sokongan mereka pada PRU-15.

Junaidi (2022a) dalam artikel atas talian yang bertajuk “Mahu Pengundi Pilih Calon” menyatakan bahawa orang ramai di kawasan luar bandar, khususnya pengundi atas pagar sudah pasti tertarik disebabkan mereka lebih melihat kepada pengalaman dan sumbangan dilaksanakan calon, selain lebih memilih pemimpin calon tempatan. Junaidi (2022b) dalam artikel atas talian yang bertajuk “INTERACTIVE: In GE15s battle for rural seats, here is what you need to know” menyatakan bahawa terdapat dua isu besar bagi ramai pengundi luar bandar Melayu di Semenanjung Malaysia iaitu politik pembangunan dan politik identiti (etnik dan agama). Pengundi bandar, sebaliknya, lebih terpengaruh dengan politik nilai yang didorong oleh isu seperti rasuah, integriti dan akauntabiliti.

Junaidi (2022c) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Parti Keadilan Rakyat (PKR) Dalam Pilihan Raya Umum dan Pemilihan PKR 2022: Impak dan Masa Hadapan Dalam Geopolitik Malaysia” menyatakan bahawa prestasi PKR dalam PRU 1999-2018 bersifat turun naik berdasarkan kepada isu semasa dan keyakinan pengundi terhadap kepimpinan PKR. Junaidi (2022d) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Geopolitik Wanita Dalam Politik Pilihan Raya Malaysia” menyatakan bahawa wanita sememangnya berperanan atau berpengaruh dalam menentukan geopolitik di Malaysia meskipun tidak dapat menguasai secara majoriti atau sepenuhnya dari segi penentuan calon dan pembuatan keputusan di negara ini.

Mohammad Qayyum (2022) dalam buku yang bertajuk “Anwar Ibrahim PM10” menyatakan bahawa karisma dan pengaruh Anwar akan menjadi taruhan beliau sebagai PM10 untuk mengemudi Malaysia ke landasan yang baik untuk memulihkan ekonomi dan politik negara ini. Muhammad Yusri (2022) dalam artikel akhbar yang bertajuk “PRU15: Pola undi popular berubah secara signifikan” menyatakan bahawa trend

pengundian pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) menyaksikan perubahan pola undi popular yang menyaksikan graf populariti setiap gabungan parti politik turun naik secara signifikan.

Mohd Azhar & Kassim (2022) dalam artikel akhbar yang bertajuk "Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional" menyatakan bahawa 'naratif 'kaum dan agama' masih relevan serta menjadi senjata utama untuk meraih sokongan khususnya dalam kalangan pengundi atas pagar dan pengundi muda. Dengan pertambahan jumlah undi baharu dan Undi18 hingga hampir 7 juta, naratif itu kerap tersiar di media sosial hingga menjadi alat indoktrinasi berkesan. Shah Mohd Akmal (2023) dalam artikel yang bertajuk "54 Tahun Meniti Perjuangan yang Panjang" menyatakan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim merupakan seorang ahli politik Malaysia yang panjang perjalanannya iaitu sejak tahun 1968 sebagai pemimpin gerakan pelajar, menyertai ABIM, menyertai UMNO, sehinggalah menyertai PKN/PKR dan berjaya menjadi Perdana Menteri dalam PRU-15, 2022. Beliau dilihat seorang ahli politik yang teruji, kuat, tahan lasak, kental, tabah, sabar, tidak putus asa dalam usaha mencapai cita-cita politiknya.

Noordin (2023) dalam artikel yang bertajuk "PAS Lencongkan Undi Anak Muda" menjelaskan bahawa pada PRU-15, 2022, PAS berjaya mendapat sokongan luar biasa daripada pengundi muda disebabkan mereka inginkan pemimpin dan parti politik yang bersih dari rasuah dan penyelewengan, keberkesanan tagline BEST (Bersih dan Stabil) dan Prihatin, naratif sentimen Melayu-Islam yang dimainkan parti tersebut, pengaruh Tik Tok melalui kempen yang berkesan dan *influencer* yang pro-PAS, dan jentera kempen PAS/PN yang agresif termasuk mengesan pengundi luar terutamanya pengundi muda dan yang tinggal di universiti untuk pulang mengundi.

Osman (2023) dalam artikel yang bertajuk "Kerajaan Perpaduan: Cabaran Untuk PM ke-10" menyatakan bahawa Kerajaan Perpaduan yang terbentuk pasca PRU-15 pimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim bakal menghadapi cabaran untuk menyatukan parti politik yang pelbagai ideologi dan aspirasi dalam kerajaan tersebut serta suara lantang 74 ahli Parlimen pembangkang iaitu PN yang bakal menjadi suara 'sekat dan imbang' dalam politik negara ini.

Ronifira (2023) dalam buku yang bertajuk "Anwar PM10: Airmata dan Sumpah, Duri dan Ranjau Sebuah Perjalanan" menyorot hampir 32 tahun Dato' Seri Anwar Ibrahim menempuh pelbagai rintangan, cabaran, dugaan dan air mata untuk berjuang menjadikan Malaysia sebuah negara yang terbilang sehinggalah beliau berjaya menjadi Perdana Menteri Malaysia pada 24 November 2022.

Mohd Sayuti (2023) dalam buku yang bertajuk "Noktah. Sebuah Penantian Anwar PM 10" menjelaskan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak pernah lelah dan berputus asa dalam menanti kerusi keramat Perdana Menteri Malaysia. Beliau satu-satunya ahli politik Malaysia yang paling teruji, kental dan tabah dengan berjaya dalam politik sebagai Timbalan Perdana Menteri, dipecat, dipenjarakan, diaibkan, dihina, dicemuh dan akhirnya beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada 24 November 2022.

Mohd Noor (2023) dalam makalah yang bertajuk "Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-15" menjelaskan bahawa tiada yang mustahil dalam politik, bagaimana PH boleh bekerjasama dengan BN dan UMNO boleh bekerjasama dengan DAP dan Anwar. Namun, percaturan kuasa hasil nasihat Raja-Raja Melayu maka terbentuklah Kerajaan Perpaduan antara PH dan BN lantaran tiadanya parti politik tunggal yang berjaya mendapat 112 kerusi mudah Parlimen. Politik merupakan seni yang serba mungkin berasaskan usaha untuk mendapatkan kuasa, menekalkan kuasa dan menggunakan kuasa. Logik dan etika normal tidak dapat digunakan sepenuhnya dalam analisis politik Malaysia pasca PRU-15. Dalam politik tidak ada musuh dan kawan yang kekal. Asas percaturan utama berpaksikan kuasa yang bakal digenggam. Demi mendapatkan kuasa dan mengekalkan kuasa, percaturan antara parti politik, kerjasama dan sebarang pakatan boleh berlaku.

Perkara yang berlaku dalam parti politik selepas PRU-15 merupakan sebahagian daripada fenomena biasa aktor politik yang hanya boleh difahami dengan mendalam oleh pelaku, pengamal dan penganalisis politik.

### **Metodologi Kajian**

Bagi penulisan artikel ini, kedua-dua metod atau kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan untuk memantapkan dapatan kajian seterusnya mengukuhkan perbincangan kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengalaman hidup yang sebenar sebagai tindak balas kepada penterjemahan dan kefahaman kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar. Data yang diperoleh daripada kaedah ini kebiasaannya tidak berstruktur tetapi memiliki skop yang amat mendalam. Teknik penyelidikan yang digunakan dalam kaedah ini ialah pemerhatian di lapangan bagi memahami sendiri kehidupan dan pengalaman yang dilalui oleh responden. Kaedah kuantitatif lebih melibatkan data berangka. Kaedah ini turut digunakan bagi membuktikan atau menyanggah sesuatu hipotesis dan mampu menghasilkan penemuan baru. Selain itu, kaedah ini juga berupaya untuk menghasilkan keputusan yang tepat, sah, boleh dipercayai dan objektif dalam skop data kajian. Data kuantitatif dan maklumat kualitatif bagi penulisan artikel ini diperoleh dengan menggunakan metod rujukan sumber primer iaitu keputusan PRU-15 dan juga pemerhatian di lapangan manakala data sekunder pula diperolehi melalui rujukan sekunder terhadap bahan-bahan bercetak yang berkenaan daripada laporan, kertas kerja, artikel, buku prosiding, buku rujukan ilmiah dan jurnal. Data keputusan PRU-15 dan bahan daripada sumber sekunder digarap bersekali mengikut lunas akademik seterusnya menghasilkan penulisan analisis PRU tersebut yang berkesan.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Keputusan PRU-15 2022 sudah diketahui. 73% telah keluar mengundi daripada keseluruhan 21 juta (21,173,638) pemilih berdaftar. Keputusan PRU 2022 menunjukkan bahawa tiada gabungan parti politik yang berjaya mendapat majoriti mudah 112/222 kerusi Parlimen atau boleh juga disebut sebagai 'Parlimen Tergantung/Hung Parliament'. PH berjaya mendapat 82 kerusi atau 36.9% (DAP 40, PKR 31, AMANAH 8, UPKO 2 dan MUDA 1), PN mendapat 74 kerusi atau 32.9% (PAS 49 kerusi dan BERSATU 25 kerusi), BN 30 kerusi atau 13.5% (26 UMNO, 2 MCA, 1 MIC dan 1 PBRS), GPS 23 kerusi atau 9.9% (PBB 14, PRS 5, PDP 2 DAN SUPP 2), GRS 6 kerusi atau 2.7% (BERSATU Sabah 4, PBS 1 dan SOLIDARITI 1), WARISAN 3 kerusi atau 1.4%, PBM 1 kerusi, KDM 1 kerusi dan Bebas 2 kerusi. 1 kerusi Parlimen iaitu di Padang Serai, Kedah ditangguhkan pilihan raya kerana calon PKR meninggal dunia dan 1 kerusi DUN Pahang iaitu di Tioman, Pahang juga ditangguhkan pilihan raya kerana calon PN juga meninggal dunia. Setelah pilihan raya diadakan maka PN menang di Parlimen Padang Serai manakala BN menang di DUN Tioman. Pakatan Harapan (PH) yang merupakan blok kuasa terbesar dengan mendapat 82 kerusi telah memperoleh undi popular terbanyak iaitu 5,810,429 undi. Hal itu diikuti Perikatan Nasional yang mendapat 4,667,429 undi dan Barisan Nasional mendapat 3,433,298 undi. GPS mendapat 644,202, lain-lain mendapat 458,677 undi, GTA pula mendapat 111,510 undi manakala calon Bebas mendapat 109,626 undi.

Keputusan PRU-15 juga menyaksikan DUN Tergantung di Perak (PN 26 kerusi, PH 24 kerusi dan BN 9 kerusi; 30 kerusi untuk menang majoriti mudah bagi membentuk kerajaan negeri) dan Pahang (PN 17 kerusi, BN 16 kerusi dan PH 8 kerusi; 22 kerusi untuk memperoleh majoriti mudah bagi membentuk kerajaan negeri), namun PN menguasai Perlis dengan kesemua 3 kerusi Parlimen dan 14 daripada 15 DUN. Akhirnya gabungan antara BN dan PH berjaya membentuk Kerajaan Negeri Perak dan Pahang. Bagi jumlah ahli Parlimen mengikut etnik, terdapat 145 orang daripada etnik Melayu (PH 35, PN 72, BN 26, GPS 8, GRS 1 dan lain-lain

3), 44 orang Cina (PH 35, PN 0, BN 21, GPS 4, GRS 2 dan lain-lain 1), 10 orang India (PH 9, PN 0 dan BN 1) dan 21 orang Bumiputera Sarawak dan Sabah (PH 3, PN 1, BN 1, GPS 10, GRS 3 dan lain-lain 3).

Keputusan PRU-15 ini sangat mengejutkan, memeranjatkan serta luar biasa dan berbeza daripada jangkaan penganalisis politik. PN berjaya menawan kerusi Parlimen (seperti Padang Besar, Langkawi, Kepala Batas, Tasik Gelugor, Larut, Padang Rengas, Gerik, Kuala Kangsar, Pasir Salak, Jerantut, Maran, Kuala Krau, Rompin, Sabak Bernam, Jasin dan Mersing) dan DUN (seperti Bintong, Beseri, Tambun Tulang, Pengkalan Hulu, Kenering, Batu Kurau, Alor Pongsu, Trong, Chenderoh, Lubok Merbau, Manong, Bukit Chandan, Sungai Manik, Kampong Gajah, Pangkor, Changkat Jong, Slim, Sungai Lembing, Lepar, Pulau Manis, Kuala Sentul, Lanchang dan Bukit Ibam) iaitu kawasan majoriti Melayu luar bandar yang merupakan kubu kuat BN/UMNO sejak PRU sebelum merdeka hinggalah PRU-14 2018. PN juga berjaya menawan kerusi Parlimen yang merupakan kubu kuat PKR di Permatang Pauh serta beberapa kerusi DUN. Selanjutnya buat pertama kali dalam sejarah politim pilihan raya di Negeri Perlis, PN berjaya menawan negeri tersebut daripada BN dengan memperoleh 14 kerusi daripada 15 kerusi DUN Perlis, 1 kerusi dimenangi PKR di Indera Mahkota. Ini boleh digelar sebagai 'Tsunami politik luar bandar majoriti Melayu' dan juga disebabkan 'Tsunami pengundi muda' serta 'Tsunami pengundi baharu 5.8 juta'.


Dari segi pola pengundian berdasarkan kewilayahan, PH terus menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia serta di Sabah serta Sarawak di kawasan bandar dan separa bandar campuran etnik dan majoriti Cina, PN menguasai wilayah Pantai Timur dan Utara serta sebahagian kecil di Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia di kawasan luar bandar majoriti Melayu iaitu di zon Semenanjung Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur serta Pahang Tengah; Utara Semenanjung iaitu Perlis dan Kedah serta Pulau Pinang Seberang Prai Utara dan Tengah, Perak Utara, Perak Tengah; sebahagian Barat Semenanjung iaitu Utara Selangor dan Barat Selangor serta Barat Melaka dan Selatan Melaka; dan sebahagian Selatan Semenanjung iaitu Johor Utara dan Johor Timur manakala BN kekal berkuasa di kawasan luar bandar tengah Semenanjung Malaysia namun dengan jumlah kerusi yang menyusut. Justeru, pengaruh kewilayahan turut mempengaruhi pola pengundian dan perlu diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan untuk melaksanakan strategi kempen bagi mendapat sokongan daripada pengundi di kewilayahan berkenaan.

Bagi Semenanjung Malaysia, PN berjaya menguasai wilayah Pantai Timur dan Utara serta sebahagian kecil di Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia di kawasan luar bandar majoriti Melayu iaitu di zon Semenanjung Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur serta Pahang Tengah; Utara Semenanjung iaitu Perlis dan Kedah serta Pulau Pinang Seberang Prai Utara dan Tengah, Perak Utara, Perak Tengah; sebahagian Barat Semenanjung iaitu Utara Selangor dan Barat Selangor serta Barat Melaka dan Selatan Melaka; dan sebahagian Selatan Semenanjung iaitu Johor Utara dan Johor Timur (Lihat Rajah 1) disebabkan oleh beberapa faktor yang bercampur. Terdapat 10 faktor yang dikumpulkan yang menjadi penyebab sokongan majoriti pengundi Melayu di kawasan yang telah dinyatakan iaitu bermula dengan kepimpinan PN yang bersih; kepimpinan Tan Sri Muhyiddin yang mesra rakyat (panggilan 'Abah'); tagline BEST (BERSIH dan STABIL); pengalaman dan jasa ketika mentadbir negara ketika era Pandemik COVID-19; pengaruh media sosial PN (Tik Tok) yang berkesan; isu perkauman dan keagamaan; jentera kempen PN yang sistematik dan agresif; manifesto pilihan raya PN yang dekat dihati pengundi; PN sebagai ganti kepada BN (UMNO); dan kelemahan parti lawan.

PH terus menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia di kawasan bandar dan separa bandar campuran etnik dan majoriti Cina. Terdapat 10 faktor yang dikumpulkan yang menjadi penyebab sokongan majoriti pengundi Cina dan India di kawasan yang telah dinyatakan iaitu bermula dengan PH sebagai parti



berbilang kaum yang sesuai dengan komposisi etnik pengundi; kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim; manifesto pilihan raya PH yang realistik; simpati kerana PH dijatuhkan ketika Langkah Sheraton pada Mac 2020; slogan ‘Kita Boleh’ yang meyakinkan; politik nilai (spt tatakelola yang baik, integriti, adil dan amanah) dalam PH diterima pengundi; isu integriti dan kepimpinan yang baik; kempen melalui media sosial (Twitter, Facebook dan Youtube) yang berkesan; retorik ceramah pemimpin yang mempesonakan; dan kepimpinan yang bersih, berpengalaman dan muda/bertenaga.




Rajah 1. Peta Taburan Geografi Kewilayahan Semenanjung Malaysia iaitu Kawasan Parlimen yang Dimenangi Parti Politik yang Bertanding dalam PRU-15, 2022  
 Sumber: Diubahsuai daripada SPR (2022)

BN kekal berkuasa di kawasan luar bandar tengah Semenanjung Malaysia. Terdapat 10 faktor yang dikumpulkan yang menjadi penyebab sokongan majoriti pengundi Melayu di kawasan yang telah dinyatakan iaitu bermula dengan berpengalaman dalam pentadbiran negara; jasa BN dalam memajukan negara; kepimpinan yang diyakini, inginkan Kerajaan yang stabil dibawah kepimpinan BN; slogan ‘Kestabilan dan Kemakmuran’ yang diterima pengundi; pengaruh 3M (Money, Media & Machinery); formula calon WALI iaitu ciri “winnability” (boleh menang), “acceptibility” (kebolehterimaan) dan “likeability” (disenangi) yang diterima pengundi; sederhana dalam urusan pemerintahan negara; berkhidmat kepada rakyat demi agama, bangsa dan negara; dan kesetiaan ahli parti.

Bagi wilayah Borneo iaitu Sabah dan Sarawak, GPS menguasai keseluruhan kawasan majoriti pengundi etnik Melayu-Melanau, Bidayuh, Iban dan dan Orang Ulu di bahagian/wilayah pesisir pantai dan juga pedalaman belantara (Lihat Rajah 2). Terdapat 5 faktor yang dikumpulkan yang menjadi penyebab sokongan majoriti pengundi terhadap GPS di kawasan yang telah dinyatakan iaitu bermula dengan pengalaman GPS mentadbir Sarawak; jasa GPS memajukan Sarawak; kepimpinan yang mesra dan dikenali rakyat; pengaruh politik pembangunan; kestabilan politik dibawah pimpinan GPS. DAP dan PH/PKR terus menguasai kawasan

bandar majoriti etnik Cina di Sarawak. Terdapat 5 faktor yang dikumpulkan yang menjadi penyebab sokongan majoriti pengundi terhadap DAP dan PH/PKR di kawasan yang telah dinyatakan iaitu bermula dengan kepimpinan yang adil, saksama dan bersih; sebagai sekat dan imbang kepada GPS; memberi peluang untuk memerintah; berwawasan jauh untuk pembangunan Sarawak; dan untuk memacu kemajuan Sarawak yang lebih dinamik dan efektif. Bagi Sabah pula, penguasaan parti politik mengikut kewilayahan adalah bermacam-macam namun boleh dirumuskan seperti berikut.



Rajah 2. Peta Taburan Geografi Kewilayahan Borneo (Sabah dan Sarawak) iaitu Kawasan Parlimen yang Dimenangi Parti Politik yang Bertanding dalam PRU-15, 2022  
 Sumber: Diubahsuai daripada SPR (2022)

BN menguasai kawasan tengah pedalaman Sabah dan sebahagian pesisir pantai Barat dan Utara Sabah disebabkan faktor pengalaman mentadbir kawasan; kepimpinan yang mesra rakyat dan dikenali ramai; politik pembangunan; kestabilan politik; dan dipercayai serta diyakini dapat mengubah nasib pengundi. GRS menguasai tengah pedalaman Sabah dan sebahagian pesisir pantai Selatan Sabah disebabkan faktor kepimpinan baru dan segar; jentera pilihan raya yang mantap dan tersusun; diyakini dapat mengubah landskap politik dan pembangunan fizikal yang lebih baik dan pantas; kepimpinan yang bersih dan boleh dipercayai; dan pengaruh kepimpinan Tan Sri Muhyiddin yang banyak membantu rakyat ketika COVID-19. DAP dan PH/PKR menguasai kawasan bandar majoriti etnik Cina di Sabah disebabkan kepimpinan yang bersih dan adil untuk semua kaum; sebagai sekat dan imbang kepada BN/GRS; memberi peluang untuk memerintah; berwawasan jauh untuk pembangunan Sabah; dan untuk memacu kemajuan Sabah yang lebih dinamik dan efektif. WARISAN menguasai Pantai Timur Sabah disebabkan pengaruh Dato Seri Shafie Apdal yang dikenali dan mesra rakyat; sebagai pejuang orang Bajau; dapat membela nasib rakyat; berani menyuarakan hak orang Sabah; dan jasa serta pengalaman WARISAN membantu rakyat. Calon Bebas menguasai kawasan utara dan selatan Sabah disebabkan faktor calon yang lebih dikenali dan pernah berjasa kepada rakyat di samping sebagai undi protes

kepada parti politik utama Sabah. KDM menguasai kawasan utara Sabah disebabkan calon lebih dikenali, lebih berjasa, senang didekati dan berpengalaman dalam menyelesaikan masalah rakyat dengan baik.

### Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, PRU-15 memperlihatkan elemen kewilayahan mempengaruhi pola sokongan pengundi terhadap parti politik. Elemen kewilayahan ini dipalitkan dengan lokasi pengundi mengikut etnik dan kepadatan pengundi baharu terutamanya pengundi 18 tahun hingga 21 tahun. Selain itu, elemen kewilayahan turut dipengaruhi oleh peranan media, mentaliti pengundi, isu semasa, kepemimpinan, perkauman, keagamaan dan juga peranan jentera parti politik yang bertanding dalam PRU-15 tersebut. Justeru, elemen kewilayahan perlu diambil berat oleh parti politik sekiranya mereka bertanding untuk memenangi kerusi berdasarkan kewilayahan yang terdapat di negara ini. PRU-15 sudah berlaku, justeru semua pemimpin parti politik perlu bergerak maju ke hadapan selama 5 tahun penggal pemerintahan untuk berkhidmat kepada pengundi di kawasan masing-masing. Semua pemimpin perlu bersama-sama memastikan kestabilan politik negara ini bagi meyakinkan pihak luar negara untuk melabur atau melancong ke negara ini bagi merancakkan sektor ekonomi di negara ini.

**Perakuan dan Penghargaan:** Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan di seluruh Malaysia. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

### Rujukan

- A. Badaruddin, M.Q. (2022). *Anwar Ibrahim PM10*. Casamas Resources.
- Abd Hamid, M.A., & Thukiman, K. (2022, November 16). Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1030277/naratif-kaum-dan-agama-mampu-gugat-agen-da-perpaduan-nasional>.
- Abdul Halim, S.M.A. (2023). 54 tahun meniti perjuangan yang panjang. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 6-11.
- Agenda Massa. (2022). *Dari PRU-14 ke PRU-15*. Enigma Fikir Sdn. Bhd.
- Awang Besar, J. (2019). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2008 di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.
- Awang Besar, J. (2016). Perkaitan sumber maklumat dengan sokongan kepada parti politik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 47-78.
- Awang Besar, J. (2017). Trend pengundian dalam pilihan raya umum Malaysia Ke-13. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(2), 126-149.
- Awang Besar, J. (2021a). Evolusi dan dinamika geopolitik dan sosiopolitik gerakan politik di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(2), 12-28.
- Awang Besar, J. (2021b). Pengaruh geografi terhadap pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum ke-14. Dlm A.S., Ghazali, & J. Awang Besar. (Eds). *Geografi pilihan raya di Malaysia: Amalan dan aplikasi* (pp. 105-140). Penerbit Universiti Malaya.
- Awang Besar, J. (2021c). Geopolitik etnik dalam pilihan raya umum ke-14. Dlm A.S. Ghazali & J. Awang Besar (Eds). *Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan aplikasi* (pp. 159-202). Penerbit Universiti Malaya.

- Awang Besar, J. (2021d). Pengenalan. Dlm J. Awang Besar, M.F. Mat Jali & N.A. Yusuff, (Eds.). *Dinamika politik pilihan raya di Malaysia dalam PRU-14* (pp. 1-42). Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Awang Besar, J. (2021e). Prestasi UMNO dan Parti Amanah Negara (AMANAH) dalam PRU-14 dan Pasca PRU-14. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(24), 30-58.
- Awang Besar, J. (2022a, September 2). *Mahu pengundi pilih calon*. GETARAN. <https://www.getaran.my/artikel/politik/34743/poster-tok-mat-penuhi-rembau-itu-bukti-bn-mahu-pengundi-pilih-calon>
- Awang Besar, J. (2022b, November 16). *INTERACTIVE: In GE15s battle for rural seats, here is what you need to know*. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/11/16/interactive-in-ge15s-battle-for-rural-seats-here-is-what-you-need-to-know>
- Awang Besar, J. (2022c). Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam pilihan raya umum dan pemilihan PKR 2022: Impak dan masa hadapan dalam geopolitik Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(29), 339-358.
- Awang Besar, J. (2022d). Geopolitik wanita dalam politik pilihan raya Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(29), 190-204.
- Awang Besar, J., Abadi, A.M., & Zulkipli, A.F. (2018). Gelombang rakyat dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Ke-7, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 7, 2018)*. Jayakarta, Lombok Beach Resort & Spa, Nusa Tenggara Barat, Indonesia.
- Awang Besar, J., Fauzi, R., Ghazali, A.S., Abdullah, M.A., Ali, M., & Mohd Yusof, A.R. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 28-38.
- Awang Besar, J., Mat Jali, M.F., & Yusuff, N.A. (2021). Pasca PRU-14: Dinamika politik menuju PRU-15. Dlm J. Awang Besar, M.F. Mat Jali. & N.A. Yusuff. *Dinamika politik pilihan raya di Malaysia dalam PRU-14*, (pp. 471-584). Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Awang Besar, J., Mat Jali, M.F., Ibrahim, Y., Sidek, A.H., Rosmadi, J.A., & Lyndon, N. (2012). Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9, 191-214.
- Awang Besar, J., Mat Jali, M.F., Lam, K.C., & Jaafar, M. (2022). *Atlas Pilihan Raya Umum 11, 2004*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Besar, J., Mohd Yusof, A.R., Ghazali, A.S., Ali, M., Yusuff, N.A., Nayan, N., & Boyman, S.N. (2020a). Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 di Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(19), 128-144.
- Awang Besar, J., Mohd Yusof, A.R., Nayan, N., Boyman, S.N., Ali, M., & Abdul Halim, A.H. (2021). Trend pengundian dalam Pilihan Raya Umum 1986-2018 di Malaysia berdasarkan pemetaan geografi. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(25), 40-63.
- Ayob, O. (2023). Kerajaan perpaduan: Cabaran untuk PM ke-10. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 36-37.
- Bose, R. (2021). *Final reckoning: An insider's view of the fall of Malaysia's Barisan Nasional Government*. Penguin Random House SEA Pte Ltd.
- Brahim, M., & Tajudin, A.S. (2022). *Politik Melayu: Penentu kelangsungan kuasa Barisan Nasional*. Read Resources.
- Hunter, M. (2022a). No one party rule after GE-15. In Hunter, M., & Teck L.G. *Malaysia towards GE15 and beyond: Strategic Information and Research Development Centre*.

- Hunter., M. (2022b). GE15: The coming battle for the Malay heartland. In L.G. Teck & M. Hunter (Eds.). *Dark forces changing Malaysia*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Ibrahim, A. (2022). *Membangun negara madani: Visi dan kerangka dasar reformasi*. IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Imuda, R. (2022). *Politik sarkis: Malaysia Pasca 9 Mei 2018*. Ilham Books.
- Mohd Basori, N.E., Mat Jali, M.F., & Awang Besar, J. (2022). Jati diri dan pola pengundian belia Melayu dalam PRU 14. Dlm A. Abdullah, N.H. Yusoff, & M.F., Mat Jali. *Pemeriksaan belia dan wanita*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zain, M.I. (2022). Dinamika demokrasi dan penjajaran baharu politik dalam era pandemik COVID-19 di Malaysia. Dlm. Mohd Zain, M.I., Ab Halim, A., & Ismail, M.M. *Politik, etnisiti & peradaban: Malaysia pasca 2020*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muzamir, M.Y. (2022, November 20). PRU15: Pola undi popular berubah secara signifikan. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028982/pru15-pola-undi-popular-berubah-secara-signifikan>.
- NSTP Research and Information Services. (1994). *Election in Malaysia: A handbook of fact and figures on the elections 1955-1990*. The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- Omar, M.S. (2023). *Noktah. Sebuah penantian Anwar PM 10*. Tinta Merah.
- Rejab, R. (2023). *Anwar PM10: Airmata dan sumpah, duri dan ranjau sebuah perjalanan*. Brainwave Communications.
- Sivamurugan, P. (2022). PRU-15: Tinjauan calon PM. Dlm *Dewan Masyarakat*, Bil, 12.
- Sualman, I. (2021). The role of social media on political voting behaviour in 14<sup>th</sup> general election. In I. Sualman, F.H. Abdul Razak, & N. Jalli. (eds.). *Media, politics and democracy in the 14<sup>th</sup> Malaysian general election*. Penerbit UiTM.
- Yaacob, N.H. (2022). Gerakan Islam dan demokrasi di Malaysia 1982-2018: Persaingan dan kerjasama. Dlm Z. Abdul Rahman & A.H. Haris (Eds.) *Budiman: Kumpulan Esei sempena persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. Penerbit Universiti Malaya.
- Yazid, M.N. (2023). Perkembangan politik Malaysia Pasca PRU-15. *Dewan Masyarakat*. 02/Februari. Jilid 60.
- Zainal Abidin, I.S. (2021). *Reflections on the Malaysian economy Post-GE14: Issues and challenges*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Zakaria, N. (2023). PAS lencongkan undi anak muda. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 34-35.